

# Penggunaan TRAKIS (*Traveller Kit for Solat*) dalam Aktiviti Pelancongan dan Rekreasi

## [Use of TRAKIS (*Traveller Kit for Solat*) in Tourism and Recreational Activities]

**BITARA**

Volume 6, Issue 1, 2023: 11-21  
 © The Author(s) 2023  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 9 December 2022  
 Accepted: 29 December 2022  
 Published: 21 January 2023

Hanirah Mohamad Nur<sup>1\*</sup>, Hasniza Tawyer<sup>1</sup>, Suriati Mustaffa<sup>1\*</sup>

1 Kolej Komuniti Kota Tinggi, Jalan Abdulah, Pekan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor MALAYSIA.

\* Corresponding Author: hanirah@kkotatinggi.edu.my

### Abstrak

Abstrak: TRAKIS (Traveller Kit For Solat) merupakan kit inovasi yang dibangunkan untuk memudahkan pelajar Sijil Pengembalaan Pelancongan (SPL), Kolej Komuniti Kota Tinggi (KKKT) mengerjakan ibadah solat sewaktu melakukan aktiviti rekreasi disebabkan oleh fasiliti yang terhad dalam menunaikan ibadah solat. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap persepsi pelajar KKKT terhadap keberkesanan TRAKIS dari segi minat dalam memudahkan mereka untuk bersolat dan untuk melihat kesesuaian reka bentuk TRAKIS sewaktu pelajar melakukan aktiviti rekreasi. Kajian ini dilaksanakan secara deskriptif melalui instrumen soal selidik yang mengandungi 20 item dan dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) 23. Responden kajian seramai 56 orang yang terdiri daripada pelajar akhir KKKT Sesi Julai 2020 dan Julai 2021. Hasil dapatan menunjukkan nilai skor min minat dan persepsi pelajar KKKT dan reka bentuk TRAKIS masing-masing adalah 3.56 dan 3.68 iaitu pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar menyatakan produk ini dapat membantu memudahkan mereka untuk menunaikan solat sewaktu melakukan aktiviti rekreasi dan pelajar memberikan reaksi yang positif terhadap penggunaan TRAKIS. Diharapkan produk ini dapat dipanjangkan dan diguna pakai kepada semua pelajar Pengembalaan Pelancongan Kolej Komuniti Dan Politeknik Malaysia. Produk inovasi ini juga mempunyai potensi yang besar dalam pasaran sebagai pemuda cara kepada pelancong yang ingin melancong keluar negara di mana kemudahan untuk solat sangat terhad.

**Kata kunci:** Pelancongan; Pelancongan Islam; Rekreasi; Pemuda cara Solat; Inovasi.

### Abstract

Abstract: TRAKIS (Traveller Kit For Solat) is an innovation kit developed to facilitate students of the Tourism Adventure Certificate (SPL), Kota Tinggi Community College (KKKT) to perform prayers during recreational activities due to limited facilities in performing prayers. The main purpose of this study is to identify the level of perception of KKKT students towards the effectiveness of TRAKIS in terms of interest in making it easier for them to pray and to see the appropriateness of TRAKIS design when students are doing recreational activities. The study was conducted descriptively through a questionnaire instrument containing 20 items and analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) 23. A total of 56 respondents from KKKT Session July 2020 and July 2021. The findings showed that the mean score of interest and perception of KKKT students and the design of TRAKIS was 3.56 and 3.68 respectively, at a high level. This shows that overall the students stated that this product can help make it easier for them to perform their prayers during recreational activities and the students give a positive reaction to the TRAKIS application. It is hoped that this product will be extended and applied to all Tourism students of the Community College and Polytechnic Malaysia.

This innovation also has great potential in the market as a facilitator for tourists who want to travel abroad where the facilities for solat are very limited.

**Keywords:** Tourism; Islamic tourism; Recreational; Facilitator of Solat; Innovation.

**Cite This Article:**

Hanirah Mohamad Nur, Hasniza Lawyer & Suriati Mustaffa. (2023). Penggunaan TRAKIS (Traveller Kit for Solat) dalam Aktiviti Pelancongan dan Rekreasi [Use of TRAKIS (Traveller Kit for Solat) in Tourism and Recreational Activities]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 11-21.

## Pengenalan

Industri pelancongan telah berkembang dengan pesatnya sama ada di dalam maupun di luar negara. Di Malaysia, industri pelancongan merupakan salah satu industri terpenting yang menyumbang kepada pendapatan negara. Industri pelancongan memberikan sumbangan terutamanya dari aspek ekonomi, politik dan sosial. Kebanyakan negara lain, kini menjadikan industri pelancongan sebagai penggerak dan menjana pertumbuhan ekonomi negara mereka (Jamaluddin Md. Jahi, 2009). Sektor pelancongan juga dapat menjana pendapatan negara seterusnya memberi ruang dan peluang pekerjaan (Nurul Ain Mokthar et al., 2012)

Perkembangan industri pelancongan juga turut berkait rapat dengan pelancong yang beragama Islam. Pelancongan muslim adalah satu produk pelancongan baru yang mula diperkenalkan, bukan saja di Malaysia tetapi di semua negara Islam dunia (Haliza A.Rahman 2018). Rentetan daripada itu, pada tahun 2016, negara kita menerima 5.2 bilion pelancong muslim. Daripada 4 pelancong yang memasuki negara kita Malaysia, maka salah seorang daripadanya adalah pelancong muslim, (Berita Harian, 26 Julai 2016).

Ekoran pembukaan sempadan negara pada April tahun lalu, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) pula menyasarkan seramai 900,000 orang pelancong muslim (Utusan Malaysia 26 Jun 2022). Manakala berdasarkan Pelancongan *Muslim Global* (GMTI) *Mastercard-Crescent Rating 2022* pula, negara kita Malaysia sekali lagi mengekalkan kedudukan teratas dalam Indeks Pelancongan *Muslim Global* 2022, diikuti oleh Turki, Arab Saudi dan Indonesia

Rentetan daripada itu, kini komponen pelancongan Muslim mula diberi perhatian. Pelancongan Muslim adalah satu segmen pelancongan, di mana pelancong ingin melancong sambil mengekalkan nilai-nilai Islam atau mengikuti apa-apa yang telah ditetapkan oleh syarak (Noor Fiteri bin Abdullah et al., 2012). Pelancong muslim biasanya menginginkan perkhidmatan yang membolehkan mereka melancong tanpa meninggalkan perintah Allah (Setiyawan Gunardi Wan et al., 2021) Mereka kebiasaannya menginginkan fasiliti untuk membolehkan mereka, mudah melakukan terutamanya ibadah solat. Antara keperluan yang diharapkan oleh pelancong muslim adalah tempat mengambil wuduk, arah kiblat, sejadah (Rosmawati Mohamad Rasit et al., 2014)

Walaupun aktiviti pelancongan dan pengembaraan ini dilihat semakin berkembang, namun bukan semua destinasi pelancongan menyediakan kemudahan dan fasiliti yang lengkap untuk solat, terutama di negara-negara yang penduduk Islam adalah minoriti (Mohamed Sabir Jamaludin et al., 2022) Begitu juga dengan aktiviti pelancongan lasak seperti mendaki gunung, meneroka gua dan juga perkhemahan. Kebiasaan aktiviti seperti ini, kemudahan untuk solat

sangat terhad dan kadang-kala, tiada fasiliti yang sempurna untuk membolehkan mereka melaksanakan terutama ibadah solat.

TRAKIS adalah satu inovasi pemuda cara bagi pelajar KKTT untuk menunaikan solat sekiranya destinasi yang mereka pergi, fasiliti untuk menunaikan solat agak terhad. TRAKIS adalah sebuah beg yang mengandungi peralatan untuk menunaikan solat. TRAKIS ini mengandungi sehelai sejahtera kanvas berkompas, sepasang selipar berlipat, sebiji botol spray untuk berwuduk, sehelai telekung solat dan sebotol pasir untuk bertayammum sekiranya tiada air untuk menunaikan solat. TRAKIS ini juga dilengkapi dengan nota panduan, yang mengandungi cara menunaikan Solat Qasar & Jama', cara bertayammum dan cara penggunaan kompas penentuan arah kiblat. Lebih menarik lagi apabila TRAKIS ditutup, ia juga boleh dijadikan bantal ketika bermusafir.



**Kandungan dalam beg TRAKIS**

- 1. Debu tayammum
- 2. Telekung
- 3. Sejадah& kompas
- 4. Stokin solat wanita
- 5. Selipar lipat
- 6. Spray wuduk
- 7. Buku panduan musafir eTRAKIS/ eTRAKIS (scan QR Code)

SPRAY WUDUK	TAYAMMUM
TRAKIS BAG	SELI PAR WUDUK BERLIPAT
TELEKUNG DAN STOKIN	SEJADAH LIPAT BERKOMPAS

**Buku panduan musafir eTRAKIS**



**Gambar 1:** Produk Inovasi, TRAKIS

Oleh yang demikian TRAKIS dihasilkan, agar dapat menjadi pemuda cara sesiapa saja untuk melaksanakan solat sewaktu menghadapi fasiliti untuk solat yang sangat terhad.

## Penyataan Masalah

Kolej Komuniti Kota Tinggi (KKKT) menawarkan program Sijil Pengembalaan Pelancongan (SPL). Menurut kurikulum Program SPL, antara subjek yang pelajar perlu ikuti adalah Rekreasi Pelancongan, Operasi Agensi Pelancongan, Pemanduan Pelancongan, Interpretasi Pelancongan dan lain-lain lagi. Di dalam modul subjek tersebut pelajar akan melakukan pelbagai bentuk amali di luar kolej dalam tempoh waktu tertentu dan ada kalanya pelajar perlu bermalam seperti perkhemahan, pengendalian tali tinggi, ikhtiar hidup, *orienteering*, renang, snorkeling, berkayak, memancing dan *white water rafting*.

Sewaktu melaksanakan aktiviti amali tersebut, pelajar mempunyai masa dan tempat yang sangat terhad untuk melaksanakan solat. Ini menyebabkan pelajar yang ingin menunaikan solat mempunyai kekangan antaranya,

1. Tiada petunjuk arah.
2. Tiada air.
3. Tiada selipar untuk mengambil wuduk.
4. Tiada telekung solat.
5. Sukar untuk berwuduk.
6. Terlupa cara menunaikan solat Qasar dan Jama' atau bertayammum disebabkan jarang melaksanakannya

Kekangan ini menyebabkan pelajar sukar untuk menunaikan solat dan terdapat segelintir pelajar tidak menunaikan solat. Oleh yang demikian, sebuah kit pemuda cara solat perlu dibangunkan untuk memudahkan para pelajar menunaikan solat ketika melakukan aktiviti amali. TRAKIS merupakan inovasi pemuda cara bagi pelajar KKKT dalam menunaikan solat ketika kemudahan dan fasiliti untuk bersolat agak terhad.

## Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk

1. Mengenal pasti tahap persepsi keberkesanan penggunaan TRAKIS dalam membantu memudahkan pelajar untuk menunaikan solat sewaktu melakukan aktiviti rekreasi;
2. Mengenal pasti kesesuaian reka bentuk TRAKIS untuk membantu memudahkan pelajar, sewaktu melakukan aktiviti rekreasi.

## Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah

1. Sejauh manakah tahap persepsi keberkesanan penggunaan TRAKIS dalam membantu memudahkan pelajar untuk menunaikan solat sewaktu melakukan aktiviti rekreasi?

2. Sejauh manakah kesesuaian reka bentuk TRAKIS untuk membantu memudahkan pelajar, sewaktu melakukan aktiviti rekreasi?

## Sorotan Kajian

Pelancongan merupakan aktiviti pergerakan dan perpindahan secara individu atau kelompok dengan tujuan untuk berehat, melawat saudara-mara atau kawan-kawan. Ia juga termasuk mereka yang menghadiri konvensyen, seminar, lawatan dan mesyuarat. Aktiviti ini akan disokong oleh sektor pengangkutan dan penginapan, termasuk makanan dan tempat menarik untuk dilawati (Mathieson dan Wall 1982). Menurut Jamudin (2012), pelancongan kini dilihat seolah-olah menjadi satu trend dan keperluan cara hidup bagi sebilangan manusia. Keperluan kepada pelancongan dilihat sejarah dengan gaya hidup manusia yang memerlukan pergerakan untuk pelbagai tujuan (Noor Fiteri 2014).

Pelancongan rekreasi pula adalah salah satu daripada produk pelancongan, selain daripada pelancongan kebudayaan, eko, agro, pendidikan, kesihatan, taman tema, membeli belah, sejarah, kebudayaan warisan (Khaairuddin et al., 2007). Menurut Jaffry Zakaria et al., (2007), rekreasi adalah salah satu pelancongan alternatif berdasarkan cabaran atau pun aktiviti yang dijalankan pada waktu senggang dan menyeronokkan. Menurut Newsome et al., (2004), pelancongan rekreasi adalah aktiviti di kawasan semula jadi sama ada di darat, air atau udara yang berasaskan cabaran.

Solat pula, adalah rukun Islam yang kedua wajib dilaksanakan oleh semua yang beragama Islam. Ibadah solat juga perlulah dilaksanakan dengan segera apabila telah masuk waktunya. Seperti yang kita sedia maklum, solat adalah tiang agama. Sesiapa yang mendirikan solat maka ia telah menegakkan agamanya dan sekiranya tidak mendirikan solat maka telah meruntuhkan agamanya. Natijah itu, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab setiap muslim untuk menunaikan solat yang diperintahkan oleh Allah S.W.T sebanyak lima (5) waktu sehari (Hasnah Bidin 2020).

Memandangkan solat itu adalah tiang agama, maka solat tidak boleh diabaikan dan ditinggalkan sewenang-wenangnya. Justeru yang demikian masyarakat Islam perlulah saling mengingati dan mengambil berat kewajipan solat. Oleh yang demikian, semasa melakukan aktiviti, guru perlulah menitikberatkan perlaksanaan solat fardu kepada pelajar, meskipun mereka berada di luar kelas. (Azhar Mohd Nawi & Sukarni A.b Ghani 2021).

Melancong adalah aktiviti yang digalakkan dalam ajaran Islam. Dalam Al-Quran, surah Al-Naml ayat 27:69 dengan jelas menggalakkan aktiviti melancong. Berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad), mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan orang-orang yang berdosa itu.” (Al-Naml, 27:69)

Melalui pelancongan dan pengembalaan membolehkan kita menghargai ciptaan Allah. Mengembara adalah digalakkan dalam agama Islam bagi membolehkan mereka merenungi dan bertafakur menginsafi kejadian ciptaan Allah, dalam surah Al-Ankabut 28:20, Allah berfirman: “Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru” (Al-Ankabut, 29:20)

Inovasi adalah idea kreatif dan inovatif dalam penghasilan sesuatu produk atau perkhidmatan yang telah diubahsuai dan tambah baik. Ia mampu untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti. Idea-idea tersebut meliputi perubahan-perubahan yang baik, termasuk dari aspek sistem, prosedur, metode dan lain-lain lagi (Chai Siew Fern & Nurazwa 2018).

Menurut Muhammad Arid Abdul Ahim et al., (2020), Pembangunan inovasi ini adalah satu usaha yang berterusan dalam meningkatkan kecekapan sesuatu proses dan memudahkan kehidupan manusia. Ia tidak berfokuskan kelengkapan atau peralatan saja, malah juga melibatkan idea dan amalan baru yang lebih baik dan produktif. Inovasi juga diperlukan dalam industri pelancongan. Inovasi dapat meningkatkan penghasilan kerja dan daya saing kepada individu maupun sebuah organisasi (Goh 2005).

Menurut Hasrina Abdullah et al., (2020), dalam usaha menerapkan inovasi dalam pembelajaran, guru berperanan untuk mengenal pasti masalah dan kekurangan yang wujud dalam proses pembelajaran. Ini membolehkan langkah sewajarnya dapat diadakan untuk menambahbaik permasalahan yang dihadapi.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif untuk mengetahui tahap persepsi keberkesan dan kesesuaian reka bentuk TRAKIS yang dibangunkan oleh pengkaji sebagai pemuda cara kepada pelajar untuk menunaikan solat sewaktu melakukan aktiviti rekreasi. Kajian ini difokuskan kepada semua pelajar akhir Semester Julai 2019 dan Julai 2020.

Responden yang terbabit dalam kajian ini adalah 56 orang iaitu kesemua pelajar Semester Julai 2019 iaitu 38 orang dan Semester Julai 2020 iaitu 19 orang. Kajian ini adalah berbentuk banci kerana ia melibatkan 100% pelajar tersebut.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dan diolah daripada kajian Hasrina Abdullah et al., (2021). Dibangunkan menggunakan *Google Form* dan diedarkan kepada responden secara atas talian. Soal selidik dibangunkan menggunakan item yang senang dan mudah difahami.

Dalam borang soal selidik tersebut dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian A, Maklumat Demografi Responden. Bahagian B pula adalah Persepsi, Minat dan Kesesuaian Reka bentuk TRAKIS untuk membantu memudahkan pelajar sewaktu melakukan aktiviti rekreasi. Bahagian C pula adalah ruangan untuk responden menuliskan cadangan.

Kajian ini menggunakan skala likert 4 mata iaitu 4 (Sangat Setuju), 3 (Setuju), 2 (Tidak Setuju) dan 1 (Sangat Tidak Setuju). Skala 4 mata digunakan dalam kajian ini bagi mengelakkan pelajar daripada tidak memberikan pendapat mereka (Cohen et al., 2007). Data yang telah diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan interpretasi skor min. Berikut adalah jadual interpretasi skor min berdasarkan Riduwan (2012) dalam kajian Muhammad Shaza Rezza et al.,( 2019):

Jadual 1: Skor Min (Interpretasi)

Min Skor	Tahap Kecenderungan
1.00 -1.50	Rendah
1.51-2.50	Sederhana Rendah
2.51-3.50	Sederhana Tinggi
3.51-4.00	Tinggi

Bagi menentukan indeks realibiliti borang soal selidik yang telah dibina, seramai 10 orang pelajar daripada semester 2, KKKT telah dipilih untuk menjawab soalan kajian rintis. Mereka dipilih secara rawak. Hasil dapatan kajian rintis tersebut mendapati bahawa indeks realibiliti soalan kaji selidik adalah 0.915 iaitu melebihi 0.6. Ini menunjukkan bahawa terdapat konsistensi dalaman yang bermaksud instrumen tersebut adalah stabil apabila nilai Cronbach Alpha adalah  $> 0.6$  (di atas 0.6) (Sujarweni, 2014).

## Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan secara atas talian didapati bahawa dengan menggunakan TRAKIS, pelajar seronok menunaikan solat (nilai min = 3.93) merupakan nilai min tertinggi dalam mengenal pasti tahap persepsi keberkesan penggunaan TRAKIS. Seterusnya TRAKIS juga dapat membantu memudahkan pelajar, untuk mengambil wuduk ketika ketiadaan selipar semasa mereka menjalani amali rekreasi dengan min sebanyak 3.80. Ini adalah kerana ada kalanya pelajar ingin mengambil wuduk tetapi mereka tiada selipar. Secara keseluruhannya persepsi keberkesan penggunaan TRAKIS pada nilai tinggi (nilai purata min = 3.56) sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Skor Min Minat dan Persepsi Pelajar

Item	Bil	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Dapat membantu untuk bersolat ketika tiada petunjuk arah kiblat semasa menjalani amali rekreasi	56	2	4	3.39	.562	Sederhana Tinggi
Dapat membantu saya untuk bersolat ketika tiada air semasa menjalani amali rekreasi	56	2	4	3.46	.571	Sederhana Tinggi
Membantu bersolat ketika tiada selipar untuk mengambil wuduk	56	3	4	3.80	.401	Tinggi

<b>Item</b>	<b>Bil</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan</b>	<b>Tahap</b>
						<b>Piawai</b>
semasa menjalani amali rekreasi						
Membantu untuk bersolat ketika tiada telekung semasa menjalani amali rekreasi	56	3	4	3.59	.496	Tinggi
Membantu untuk bersolat ketika sejадah semasa menjalani amali rekreasi	56	3	4	3.50	.505	Sederhana Tinggi
Kit lengkap yang mengandungi dilengkapi dengan nota panduan yang mengandungi cara menunaikan Solat Qasar & Jama'	56	2	4	3.41	.565	Sederhana Tinggi
<b>Seronok solat, menggunakan TRAKIS</b>	<b>56</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>3.93</b>	<b>.260</b>	<b>Tinggi</b>
TRAKIS memudahkan saya untuk solat	56	3	4	3.61	.493	Tinggi
Dengan TRAKIS membolehkan solat di mana sahaja sewaktu melakukan amali rekreasi	56	3	4	3.48	.504	Sederhana Tinggi
Beg Trakis sebagai bantal tidur semasa amali	56	3	4	3.39	.493	Sederhana Tinggi
Valid N ( <i>listwise</i> )	56					
<b>Purata Skor Min</b>				<b>3.56</b>		

Min yang paling rendah ialah 3.39 iaitu bagi item TRAKIS dapat membantu untuk bersolat ketika tiada petunjuk arah kiblat semasa menjalani amali rekreasi dan beg TRAKIS sesuai sebagai bantal tidur semasa amali. Purata min keseluruhan pula adalah 3.56. Ini menunjukkan bahawa persepsi dan minat pelajar menggunakan TRAKIS sebagai pemuda cara untuk mereka solat sewaktu membuat amali adalah tinggi. Seperti yang kita sedia maklum kemudahan untuk mendirikan solat di kawasan rekreasi adalah terhad.

Menurut Siti Salwa Kusairi (2021) dan Muhammad Arid et al., (2019) produk inovasi yang dibangunkan berkesan dalam membantu pembelajaran dan pengajaran. Begitu juga dengan TRAKIS, inovasi ini sangat berkesan dalam membantu memudahkan pelajar untuk mendirikan solat sewaktu melakukan aktiviti rekreasi.

## Jadual 3: Skor Min Reka bentuk TRAKIS

Item	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap Tinggi
<b>Suka rekaan TRAKIS yang kecil dan fleksibel</b>	<b>56</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>3.77</b>	<b>.467</b>	<b>Tinggi</b>
TRAKIS boleh di bawa ke mana-mana saja	56	3	4	3.54	.503	Tinggi
TRAKIS juga boleh dijadikan bantal tidur semasa bermusafir	56	3	4	3.68	.471	Tinggi
Dapat menunaikan solat dengan mudah dan selesa sewaktu menjalani amali rekreasi	56	2	4	3.75	.477	Tinggi
Sekiranya TRAKIS dikomersialkan, yakin mendapat sambutan dikalangan pengguna sasaran	56	3	4	3.64	.483	Tinggi
Valid N ( <i>listwise</i> )	56					
<b>Purata Skor Min</b>				<b>3.68</b>		

Berdasarkan Jadual 3 di atas, nilai purata min bagi rekaan TRAKIS ini adalah 3.68. Secara keseluruhan didapati pelajar bersetuju, bahawa reka bentuk TRAKIS membantu memudah cara mereka solat, sewaktu melakukan aktiviti rekreasi. Hasil dapatan ini secara langsung menjawab persoalan kedua iaitu sejauh mana reka bentuk TRAKIS sesuai untuk membantu memudahkan pelajar sewaktu melakukan aktiviti rekreasi.

Min yang tertinggi adalah sebanyak 3.77 iaitu pelajar suka TRAKIS yang kecil dan fleksibel. Manakala min yang kedua tertinggi ialah 3.75 iaitu pelajar merasakan TRAKIS membolehkan mereka mendirikan solat dengan mudah dan selesa. Bagi min yang terendah pula adalah 3.54 iaitu TRAKIS boleh dibawa ke mana-mana diikuti oleh TRAKIS yang boleh dijadikan bantal tidur iaitu sebanyak 3.68.

Normah Musa et al., (2021) dan Hasrina Abdullah et al., (2020) di mana reka bentuk produk inovasi mereka iaitu *Multipurpose Foldable Drawing Desk 2.0* dan *GP Ruler* dapat membantu memudahkan cara PdP pelajar. Begitu juga dengan kajian ini, rekabentuk TRAKIS yang kecil, fleksibel memudahkan pelajar mendirikan solat dengan selesa di samping ia amat mudah dibawa ke mana-mana sahaja.

## Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini didapati, TRAKIS memberi impak yang positif kepada pelajar KKKT di mana TRAKIS memudahkan pelajar untuk menunaikan solat sewaktu menjalani amali PdP di luar kolej. Pelajar merasakan seronok menggunakan TRAKIS. Berdasarkan dapatan kajian, persepsi minat dan reka bentuk TRAKIS, mempunyai min yang tinggi dan sederhana tinggi. TRAKIS ini tidak memerlukan kos yang tinggi. Berdasarkan kajian yang dibuat majoriti pelajar bersetuju agar TRAKIS dikomersialkan memandangkan sehingga kini tiada lagi inovasi seumpama ini di pasaran bagi memudah cara sesiapa saja yang bermusafir. Diharapkan juga TRAKIS akan dipanjangkan penggunaannya dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti dan Politeknik Malaysia dan seterusnya kepada pengembara muslim yang ingin mengembara. Kajian pada masa akan datang boleh dikembangkan lagi secara eksperimental dengan menguji sebelum dan selepas penggunaan TRAKIS sebagai pemuda cara solat dalam PdP.

## Rujukan

- Abdulahim, M. A., Ruseh, A. H., & Mohd Ismail, M. Z. (2020). Produk Inovasi Mesin Auto-PT. *Journal of Social Sciences and Technical Education*, 1(1), 136-145.
- Abdulahim, M. A., Mat, M. Z., & Bacho, F. (2019). Penggunaan Pengujian Komponen Litar Kawalan Motor bagi Pelajar Program Sijil Teknologi Elektrik di Kolej Komuniti Tawau. Politeknik & Kolej Komuniti *Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(1), 85-94.
- Abdullah, N. F., & Mukhtar, M. Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan. [https://www.researchgate.net/profile/Noor-Fiteri-Abdullah/publication/318671912\\_Konsep\\_Pelancongan\\_Islam\\_Satu\\_Pengamatan/link/s/5976e06caca2728d02707059/Konsep-Pelancongan-Islam-Satu-Pengamatan](https://www.researchgate.net/profile/Noor-Fiteri-Abdullah/publication/318671912_Konsep_Pelancongan_Islam_Satu_Pengamatan/link/s/5976e06caca2728d02707059/Konsep-Pelancongan-Islam-Satu-Pengamatan)
- Abdullah,H., Wan Omar, W.N.S., Mahadi, N.S., (2021). Kajian Keberkesanan Produk Inovasi Multipurpose Foldable Drawing Desk 2.0 (MFDD 2.0) Sebagai Alat Bantu Dalam PdP Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan (SPSH2020)
- Abdullah, N. F., & binti Mukhtar, M. Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan.
- Berita Harian, 26 Julai 2016. Malaysia diiktiraf destinasi terbaik pelancongan Islam
- Bidin,H. (2020). Kajian Pemahaman Dan Pelaksanaan Ibadat Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Di Kolej Komuniti Bandar Penawar Dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 2, 1-14.
- Fern,C.S.,& Ahmad,N.(2018) Strategi Kepimpinan Kendiri Dalam Meningkatkan Tingkah Laku Inovasi Di Tempat Kerja. *Isu-Isu Inovasi di Malaysia Siri 2 ISBN 978-967-2216-09-4*
- Goh, A. L. (2005). Harnessing Knowledge for Innovation: An Integrated Management Framework. *Journal of Knowledge Management*, 9(4), 6-18
- Gunardi, S., & Wahab, W. (2021). Pelancongan Islam Berasaskan Ujrah Menurut Perspektif Islam: Satu Pengenalan
- Jahi, J. M. (2009). Pembangunan Pelancongan Dan Impaknya Terhadap Persekutaran Fizikal Pinggir Pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2), 71-87.

- Jamudin, I. (2012, February). Memperkasa pelancongan Islam. *Milenia Muslim*, 4
- Jamaludin, M. S., Kadir, F. A. A., Yusoff, A. N. M., & Mokhtar, R. (2022). Jati Diri dan Cabaran Kehidupan Masyarakat Melayu Muslim di Perth Australia. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 30-38.
- Khalil, K., & Arshad, N.J (2007), Asas Pelancongan Tingkatan 4 & 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, kuala Lumpur
- Kusairi,S.S ( 2021), Aplikasi Inovasi Model Wrap Cap Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Terapi Kulit Muka, *E-Prosiding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat 2021: e-ISBN 978-967-18967-1-6*
- Mathieson, A. and G. Wall (1982). *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*.London, Longman Group UK Limited
- Mohd Nawi, A., & Ghani, S. B. A. (2021). Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu. *In UnIPSAS Conference and Proceedings* (Vol. 1, No. 1, pp. 291-302).
- Mokhtar, N. A., Poo, B. T., & Salleh, N. H. M. (2012). Analisis keperluan tenaga manusia dalam industri pelancongan di Malaysia. *PERKEM Proceedings*, 7, 4-6.
- Musa,N, Sapee,S, Khairuddin, N.S ( 2021), gp Ruler Cara PdP Kelas Pembuatan Kek, *E-Prosiding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat 2021: e-ISBN 978-967-18967-1-6*
- Newsome, D., S. A. Moore, et al. (2004). *Natural Area Tourism: Ecology, Impacts and Management*. Canada, Cromwell Press.
- Noor Fiteri bin Abdullah & Masnisah binti Mukhtar Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan *Seminar Kebangsaan Penyelidikan Dan Pendidikan Islam Politeknik 2014 (Skpi2014)* At: Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN), Behrang, Perak.
- Noor, M. S. R. B. M., Arazami, M. Y. B., Abdullah, N. M. B., & Sairi, M. N. A. B. M. (2019). Assembled Sand Screening Filter. *Civil Engineering Project 1*, Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah
- Rahman, H. A. (2018). Potensi dan cabaran dalam memajukan pelancongan islam di Malaysia Potential and Challenges in Islamic Tourism in Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 506-518
- Rasit, R. M., Hamjah, P. S. H., & Rugayah, S. (2014). *Industri Pelancongan Islam Dan Pembangunan Etnik Di Malaysia*.
- Sujarweni, V. Wiratna. 2014. SPSS untuk Penelitian. Pustaka,Baru Press: Yogyakarta.
- Utusan Malaysia, 26 jun 2022. Sasar hampir sejuta pelancong muslim ke Malaysia tahun ini
- Zakaria, J., & Hasbullah, N. A. (2007). Pelancongan Rekreasi Berasaskan Cabaran Dan Biodiversiti: Isu Dan Konflik. *In International conference of social and humanities*, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.